

99 Speed Mart perkukuh CSR melalui sumbangan bakul makanan RM700,000



99 Speed Mart menyemarakkan semangat kebersamaan sempena Tahun Baharu Cina melalui lawatan ke 31 pusat kebajikan di 11 negeri serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur : Rangkaian pasar raya mini terkemuka, 99 Speed Mart terus memperkukuh komitmennya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada golongan memerlukan di seluruh negara sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina 2026.

Menerusi inisiatif itu, 99 Speed Mart menyalurkan sumbangan lebih 15,000 set bakul perayaan dengan nilai keseluruhan melebihi RM700,000, melalui kerjasama strategik bersama pelbagai pihak termasuk Pejabat Menteri Besar, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri serta rumah-rumah kebajikan.

Bakul makanan itu mengandungi pelbagai barangan keperluan asas bagi persiapan perayaan antaranya seperti beras, biskut, bihun, minuman manis, tepung gandum, gula, kordial, kurma dan beras ketupat.

Menurut Ketua Pegawai Operasi 99 Speed Mart, Yong Eng Kwang, inisiatif itu mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam menyokong kesejahteraan masyarakat khususnya golongan yang memerlukan agar mereka dapat membuat persiapan perayaan dengan lebih sempurna.

"Pada masa yang sama, ia juga sebagai tanda penghargaan kepada para pelanggan yang terus memberikan kepercayaan kepada 99 Speed Mart sebagai destinasi utama pembelian barangan keperluan harian.

"Kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh pelanggan menjadi asas kepada kami untuk terus memberi nilai tambah kepada komuniti serta menyumbang secara mampan kepada masyarakat," katanya dalam satu kenyataan di sini.



Majlis Perasmian Anjung Rezeki MAIPs dan Penyerahan Bakul Perayaan Aidilfitri 2026 di Masjid Tuan Syed Faizuddin Putra Jamalullail dengan keberangkatan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Tambah Eng Kwang, sumbangan itu diharapkan dapat menceriakan sambutan perayaan terutamanya bagi keluarga kurang berkemampuan agar mereka turut berpeluang menikmati kegembiraan bersama insan tersayang dalam suasana yang lebih bermakna.

"Selaras dengan nilai teras syarikat, 99 Speed Mart sentiasa percaya bahawa semangat perpaduan, keprihatinan dan kebersamaan dapat diperkukuhkan melalui amalan berkongsi rezeki," katanya.

99 Speed Mart kini memiliki lebih 3,000 cawangan dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia, terus berkembang sebagai salah satu rangkaian peruncitan ikonik yang memfokuskan kepada kemudahan pengguna dan harga berpatutan.

Disiarkan pada: Mac 20, 2026 @ 2:53pm